

11 FEB 1997

KERAHAN TENAGA TIDAK SESUAI UNTUK MENANGANI MASALAH REMAJA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Kerahan tenaga yang wajib bagi remaja lepasan sekolah adalah tidak sesuai bagi menangani masalah sosial di kalangan mereka, kata ketua pembangkang di Parlimen, Lim Kit Siang hari ini.

Katanya, masa yang penting untuk menangani punca segala masalah sosial yang melanda remaja adalah membentuk keperibadian seseorang semasa di alam persekolahan dan bukan selepas itu.

Beliau mencadangkan selain menangani masalah sosial di kalangan remaja, cadangan kerahan tenaga boleh digunakan untuk membentuk sebuah generasi baru berbilang bangsa yang dikenal sebagai bangsa Malaysia di samping memperkukuhkan semangat ketenteraan rakyat.

Kenyataan beliau yang dikeluarkan di sini adalah berhubung dengan pelbagai resolusi mengenai masalah-masalah sosial remaja masa kini seperti yang diketengahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Antara resolusi adalah untuk menukarkan kerahan tenaga wajib kepada khidmat sosial kebangsaan.

Lim juga mencadangkan supaya Kabinet mengadakan sebuah Persidangan Pendidikan Kebangsaan untuk mengetahui punca mengapa sekolah-sekolah gagal membentuk masyarakat yang berkebolehan, penyayang dan bertanggungjawab. --

BERNAMA

MSL DC